

# HADIAH SASTERA DARUL IMAN ( HASDI I )

## Maksud

- i- Hadiah Sastera Darul Iman ini dicadangkan oleh Persatuan Sasterawan Terengganu ( PELITA) bagi menggantikan Anugerah Sastera Darul Iman (ASDI) yang telah ditaja sepenuhnya oleh kerajaan negeri. ASDI dianjurkan dan diselenggarakan oleh PELITA dan GAPENA dalam bentuk pertandingan karya (manuskrip) buku berunsur Islam sebanyak lima kali antara tahun 1982-2007)
- ii- Hadiah Sastera Terengganu Darul Iman ini dikenali dengan nama HADIAH SASTERA DARUL IMAN atau nama ringkasnya ( HASDI ) anjuran PELITA dan akan ditaja sepenuhnya oleh kerajaan Negeri Terengganu bertujuan sebagai pengiktirafan dan penghargaan Kerajaan Negeri Terengganu terhadap sumbangan para sasterawan/penulis/pengarang anak negeri Terengganu yang telah menghasilkan karya yang bermutu.
- iii- Hadiah Sastera Darul Iman ( HASDI ) ini ialah hadiah secara dwitahunan terhadap karya-karya yang diterbitkan pada tahun yang ditetapkan oleh pihak penganjur.

## Syarat Kelayakan Penyertaan

- i- Warganegara Malaysia anak kelahiran Terengganu, bermastautin dan berkarya di Terengganu.
- ii- Warganegara Malaysia yang dilahirkan di Terengganu tetapi bermastautin di luar Terengganu.
- iii- Warganegara Malaysia yang lahir di negeri lain dan bermastautin di Terengganu lebih dari tujuh tahun ( dengan perakuan pihak berkuasa tempatan ).

## Kategori Hadiah

### *a) Tokoh Sastera Negeri Terengganu*

- Hadiah ini merupakan pengiktirafan kepada tokoh yang berwibawa dan amat banyak memberi sumbangan kepada kemajuan dan penciptaan karya di peringkat negeri dan Negara. Karya yang dihasilkan dianggap sangat bermutu serta berjaya membina minda masyarakat secara keseluruhannya.
- Penerima hadiah ini digelar Sasterawan Negeri Terengganu Darul Iman.

- Dicalangkan hadiah tokoh ini berbentuk wang tunai RM 10,000.00 serta sijil dan kemudahan lain yang setaraf dengan gelaran tersebut.
- Penerima hadiah ini tidak dicalonkan tetapi dipilih oleh Jawatankuasa Khas Hadiah Sastera Darul Iman.
- Penerima hadiah ini tidak dipertimbangkan untuk kali kedua.
- Hadiah ini diberikan sekiranya ada calon yang layak.

b) *Hadiah Cekal Sastera*

- a. Hadiah ini merupakan pengiktirafan kepada tokoh yang cekal memberi sumbangan kepada perkembangan persuratan di Terengganu khususnya dan Malaysia amnya termasuk penciptaan karya dan penataran bidang penulisan secara berterusan.
- b. Dicalangkan hadiah berbentuk wang tunai RM 5,000.00 dan sijil
- c. Penerima hadiah ini dipilih oleh Jawatankuasa Khas Hadiah Sastera Negeri
- d. Penerima ini diberikan sekiranya ada calon yang layak.
- e. Penerima hadiah ini tidak layak menerima hadiah untuk kali kedua.

c) *Hadiah Sastera Darul Iman ( Umum/ Remaja /Kanak-kanak )*  
( yang diterbitkan pada tahun 2008 dan 2009 )

Kategori A -Buku ( Perseorangan/ Kumpulan )

+Kumpulan Cerpen	- 1 hadiah
+Kumpulan Puisi	- 1 hadiah
+Kumpulan Cerpen Kanak-kanak	- 1 hadiah
+Kumpulan Cerpen Remaja	- 1 hadiah
+Novel Kanak-Kanak	- 1 hadiah
+Novel Remaja	- 1 hadiah
+Novel Umum	- 1 hadiah
+Buku Sastera ( Esei /Kritikan )	- 1 hadiah
+Kumpulan Drama Radio	- 1 hadiah
+Kumpulan Drama Pentas	- 1 hadiah
+Kumpulan Drama TV	- 1 hadiah

Dicalangkan 1 hadiah bernilai RM 2,000.

## Kategori B -Eceran

+Cerpen	- 5 hadiah
+Puisi	- 5 hadiah
+Drama	- 5 hadiah
+Esei Sastera	- 5 hadiah
+Esei Bukan Sastera	- 5 hadiah

Dicadangkan 1 hadiah bernilai RM 500.00

## Kategori C ( Penulis Muda Berusia 21 tahun ke bawah )

+Karya kreatif	- 5 hadiah
----------------	------------

Dicadangkan 1 hadiah bernilai RM 500.00

## SYARAT DAN PERATURAN PENYERTAAN

- + HASDI I ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang memenuhi kelayakan pentertan KECUALI ahli panel penilai serta keluarga mereka yang terdekat.
- + Bagi maksud HASDI I ini, semua karya penyertaan yang akan dinilai adalah karya yang dihasilkan/ diterbitkan sepanjang tahun 2008 dan 2009 sahaja.
- + Kecuali yang dinyatakan dalam penghuraian setiap kategori kumpulan, segala yang tidak dinyatakan dalam penghuraian berkaitan adalah tertakluk kepada syarat dan peraturan yang dinyatakan ini.
- + Setiap kategori penyertaan mestikah menggunakan borang yang disediakan oleh Urus Setia. Salinan fotostat borang penyertaan adalah dibenarkan dan diterima oleh penganjur.
- + Borang penyertaan yang lengkap diisi ( beserta maklumat lain yang diperlukan ) perlu dihantar bersama bahan-bahan yang akan dinilai.
- + Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap kiriman yang tidak sampai atau rosak dalam perjalanan. Bukti pos tidak akan diterima sebagai bukti penghantaran.

+ **Penyertaan percuma.** Walau bagaimanapun, sebarang kos yang berkaitan dengan penyertaan hadiah ini adalah tanggungan sendiri.

+ Setiap peserta boleh menyertai seberapa banyak penyertaan bagi semua genre dalam Bahagian C ( Hadiah Sastera Darul Iman: Umum, Remaja/ Kanak-Kanak) dan layak memenangi lebih daripada satu hadiah. Bahagian A dan B akan ditentukan oleh Jawatankuasa Panel Penilai HASDI I

+ Bagi Bahagian C Kategori C (penulis berusia 21 tahun ke bawah), karya kreatif yang dimaksudkan boleh dalam bentuk buku mahupun eceran) Genre kreatif yang boleh disertai adalah sama seperti tersenarai dalam kategori B ( kecuali esei bukan sastera )

+ Bagi penyertaan dalam Bahagian C Kategori A,B,C , setiap penyertaan bagi kategori ni perlu menghantar karya sebanyak lima (5) salinan tiap satu.

+ Buku yang boleh dinilai bebas diterbitkan oleh mana-mana penerbit TETAPI mestilah mempunyai kod kawalan ISBN yang sah dan akan dirujuk kepada Perpustakaan Negara bagi tujuan pengesahannya. Buku tanpa kod kawalan ISBN tidak layak menyertai penilaian hadiah ini.

+ Bagi kategori karya eceran pula, karya-karya yang boleh menyertai hadiah ini hendaklah pernah dan telah diterbitkan dalam mana-mana akhbar, majalah, jurnal, penerbitan dalam bentuk media cetak sahaja ( pada tahun penilaian ). Media penerbitan berkenaan pula hendaklah media yang mendapat kebenaran penerbitan rasmi dan mempunyai kod kawalan ISSN. Penerbitan berkala jabatan, buletin jabatan atau organisasi juga layak menyertai hadiah ini.

+ Semua penyertaan untuk penilaian hadiah ini menjadi **hak milik penganjur** dan penganjur berhak menerbitkan semula, mencetak ( eceran ) dan berhak mempamerkan karya tersebut tanpa meminta izin daripada peserta terlebih dahulu

+ Penganjur akan melantik Panel Penilai bebas untuk menilai semua penyertaan.

+ Penganjur berhak menolak setiap penyertaan yang tidak mematuhi syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan dan keputusan panel penilai adalah muktamad. Sebarang bantahan dan surat menyurat selepas penilaian tidak akan dilayan.

+ Hal-hal yang tidak dinyatakan dalam syarat-syarat dan peraturan-peraturan di atas adalah di bawah bidang kuasa penganjur.

+ Sebarang pertikaian dan kekeliruan dari segi istilah dan pelbagai perkara lain ( jika ada ) dalam syarat dan peraturan ini hendaklah merujuk kepada Jawatankuasa Penganjur. Tafsiran dan penjelasan yang diberikan adalah muktamad.

#### **SERAHAN BAHAN KARYA**

- a) Serahan naskah / salinan ( daripada karya yang diterbitkan-memperlihatkan dengan jelas tahun terbitnya ) daripada pengarang/ individu kepada Urus Setia Hadiah Sastera Darul Iman dari tempoh 15 Ogos 2010 hingga 15 Oktober 2010.

Urus Setia Hadiah Sastera Darul Iman  
Pejabat PELITA  
281, Rumah Warisan, Jalan Tok Lam  
KUALA TERENGGANU.

-----  
-----

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi :

Ketua I PELITA : TUAN SHARIF PUTERA -019-9152155  
Setiausaha I PELITA: ABDUL MUBIN ISMAIL : 016-9202200